

Lemba' (pelamin): sebagai objek budaya dalam adat perkahwinan Iranun di Sabah

Abstrak

Pelamin perkahwinan atau lemba' dalam masyarakat Iranun di Sabah, Malaysia menampilkan rekabentuk yang tersendiri dalam adat persandingan perkahwinan. Penonjolan objek budaya (artifak) dan kerencaman warisan adat menjadi identiti masyarakat ini. Secara tradisional reka bentuk pelamin dalam perkahwinan menggabungkan unsur-unsur material seperti pahar, tepak sireh, barang kemas (tembaga), dulang, tempat duduk, tempat tidur, perhiasan diri, sepak manggis dan pelbagai alatan lain. Selain itu, artifak yang menghiasi seluruh ruang pelamin adalah termasuk pelbagai jenis kain rentang atau tabir (ulap-ulap), hiasan, kelambu, bantal, payung, tikar dan lain-lain yang turut memberi pengertian tentang khazanah budaya Iranun. Selain itu, unsur warna yang diperagakan pada pelamin perkahwinan Iranun mencerminkan lambang identiti dan status kedudukan sosial dalam masyarakat.